

07/02/1997

Dr Mahathir lawat Hospital Jitra

JITRA, Khamis - Pesakit di Hospital Jitra, Kedah, hari ini menerima kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah yang melawat kawasan Parlimen Kubang Pasu sambil mengadakan majlis berbuka puasa bersama rakyat.

Dr Mahathir dan isteri sempat beramah mesra mengucapkan Selamat Hari Raya dan Tahun Baru Cina kepada pesakit sambil menyampaikan hadiah dan duit raya sumbangan Pergerakan Pemuda Umno Kubang Pasu.

Perdana Menteri juga menamakan seorang bayi lelaki mengikut namanya selepas ibu bayi berkenaan, Rashidah Hamid memintanya memberi nama bayi seberat 3.2 kilogram yang dilahirkan malam tadi.

Selepas menulis nama Mahathir pada sekeping kertas, Perdana Menteri mengikatnya di pergelangan tangan bayi itu.

Selepas itu di majlis berbuka puasa di masjid Kepala Batas, Dr Mahathir Mohamad mendedahkan Kelantan yang diperintah Pas adalah negeri paling banyak berlaku masalah sosial, terutama penyalahgunaan dadah dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Aids).

Perdana Menteri berkata dakwaan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat kononnya corak pemerintahan kerajaan Pas berjaya mengurangkan pelbagai gejala sosial adalah tidak benar.

Beliau berkata, hasil kajian di seluruh negara mendapati gejala sosial seperti dadah dan Aids yang membabitkan umat Islam banyak berlaku di Kelantan berbanding negeri lain.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak mahu mendedahkan perkara itu tetapi terpaksa menyatakannya kerana keangkuhan Nik Aziz kononnya kerajaan Kelantan berupaya membanteras gejala itu.

"Saya tidak mahu mendedahkan perkara itu kerana tidak mahu memalukan sesiapa, tetapi kerana Nik Aziz kata boleh tunjukkan bagaimana untuk membanteras gejala buruk ini, saya terpaksa nyatakan bahawa ramai umat Islam Kelantan terbabit dalam gejala buruk ini," katanya.

(END)